

12 JUL 2003

Abdullah-Jepun (Rangkuman)/I

LAWATAN TPM YAKINKAN JEPUN DASAR PRO-BISNES M'SIA

Oleh: Hafizah Kamaruddin

TOKYO, 12 Julai (Bernama) -- Lawatan rasmi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Jepun yang berakhir hari ini ada kaitannya dengan langkah untuk meyakinkan Jepun bahawa Malaysia akan terus dengan dasar pro-perniagaannya yang diusahakan selama ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini akan menjadi lebih penting apabila Timbalan Perdana Menteri mengambil alih teraju kepimpinan negara November ini, berdasarkan cabaran yang meningkat dalam suasana antarabangsa, seperti yang jelas dilihat daripada kemerosotan ekonomi global, perang menentang keganasan, dan isu serantau serta usaha Asia untuk memulihkan ekonomi.

Semangat kerjasama antara Malaysia dan Jepun dalam menubuhkan pasaran Bon Asia, Kawasan Dagangan Bebas Malaysia-Jepun (FTA) dan usaha-usaha lain, termasuk kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan bioteknologi, akan memacu hubungan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Semasa lawatan tiga hari itu, Abdullah memberikan petunjuk yang kukuh mengenai komitmennya untuk meneruskan hubungan erat antara kedua-dua negara.

Beliau diiringi isterinya Datin Seri Endon Mahmood dan delegasi termasuk Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan ahli perniagaan terkemuka.

Sambil menegaskan bahawa dasar antarabangnya pada masa depan akan lebih dinamik dengan lebih penekanan terhadap kerjasama dua hala dan usahasama, perkongsian pintar dan konsep memakmurkan jiran, Abdullah telah meyakinkan Jepun bahawa Malaysia akan meneruskan kepentingannya di Jepun walaupun ekonomi negara ini tidak berkembang atau tumbuh lembab dalam dekad-dekad mendatang kerana ia merupakan komponen penting ekonomi Asia Timur.

Jepun merupakan rakan dagangan kedua terbesar Malaysia, selepas Amerika Syarikat, mencatatkan jumlah dagangan US\$24.6 bilion (RM93.5 bilion) tahun lepas.

Semasa di sini, Abdullah berjumpa dengan Perdana Menteri Junichiro Koizumi yang mengesahkan penglibatan Jepun dalam Universiti Teknikal Malaysia, yang dijangka dimulakan di sebuah kampus sementara tahun ini, untuk mempercepatkan pemindahan kepandaian teknikal dari segi bahan dan tenaga manusia dari Jepun ke rantau Asean.

Pertemuannya dengan Menteri Kewangan Masajuro Shiokawa dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Takeo Hiranuma telah meletakkan pada perspektif langkah kedua-dua negara ke arah pengwujudan Kawasan Perdagangan Bebas Malaysia-Jepun dan Pasaran Bon Asia.

Kedua-dua pihak telah bersetuju mempercepatkan kerjasama ekonomi dengan harapan kedua-dua projek akan memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi bukan hanya antara kedua-dua negara tetapi juga rantau.

Perjumpaan Abdullah dengan Gabenor Bank Jepun bagi Kerjasama Antarabangsa, Kyosuke Sinozawa pula, membincangkan perlunya mengkaji semula bantuan ekonomi yang diberikan Jepun kepada Malaysia memandangkan Malaysia telah melepasi status negara membangun.

Pakej pinjaman baru Yen yang akan dikaji dijangka akan meningkatkan kemajuan Malaysia.

Selain mengadakan pertemuan dengan para pemimpin utama, Abdullah juga meluangkan masa berjumpa dengan para pemimpin korporat Jepun, ahli

perniagaan, ahli parlimen dan media.

Beliau meyakinkan mereka mengenai isu berkaitan hubungan Malaysia-Amerika Syarikat selepas pencerobohan di Iraq, keganasan, Islam dan isu-isu serantau yang turut menyentuh penahanan pemimpin pro-demokrasi Aung San Suu Kyi di Myanmar.

Dalam perjumpaan-perjumpaan itu, Abdullah dapat mengenyahkan imej Gaimo-Sho (menteri luar)nya yang lebih dikenali di kalangan rakyat Jepun, setelah menyandang jawatan itu bagi hampir lapan tahun sepanjang dekad lepas, dan bakal digantikan dengan imej Souru-Daijin atau Perdana Menteri.

Aturan baru bagi perdagangan dua hala yang dibincangkan akan merangsangkan aliran perdagangan yang lebih besar dan menyediakan asas bagi kerjasama antara syarikat Jepun dan Malaysia beroperasi di pasaran antara satu sama lain serta di peringkat serantau dan global.

Jelasnya perkembangan ini memberi isyarat bahawa Jepun dan Malaysia bersedia mengambil pendekatan dan strategi baru bagi memastikan hubungan ekonomi dua hala bukan hanya diteruskan tetapi juga menjadi lebih kuat dan akan memberikan manfaat bersama.

Semasa di sini, Abdullah juga membuat perjanjian awal dengan Universiti Chiba mengenai kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan bioteknologi untuk meningkatkan lagi kemajuan sektor pertanian dan menambah saingan Malaysia dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI) di bidang ini.

Fakulti Hortikulturnya telah bersetuju untuk menjalankan program bersama penyelidikan dan pembangunan dalam bidang bioteknologi dengan universiti Malaysia dan agensi kerajaan, seperti Universiti Putra Malaysia serta Mardi, untuk meningkatkan pendapatan petani dengan mengeluarkan hasil lebih tinggi dan produk pertanian berkualiti selain membantu membangunkan perusahaan kecil dan sederhana dengan bioteknologi berasaskan pertanian.

Yakin dengan industri bioteknologi sebagai berpotensi besar pada masa depan, Abdullah mahu dasar Pandang Ke Timur memberikan lebih penekanan terhadap perkara ini.

Memandangkan potensi besar bioteknologi, dasar yang sedang dilaksanakan pada peringkat awal, yang menekankan terhadap latihan teknikal, perlu dikajisemula selaras dengan cabaran abad baru.

Abdullah pulang ke tanahair esok dengan perasaan puas hati menerima sokongan dan komitmen padu masyarakat Jepun, terutama para pemimpin dan tokoh korporat, dalam memastikan hubungan sedia ada akan dipertingkatkan dan dipelbagaikan dalam menghadapi cabaran masa depan apabila beliau mengambil alih teraju mengemudi negara.

-- BERNAMA

HK MFJ JK RON